

KENYATAAN AKHBAR

KONTRAKTOR DAN PERSONEL BINAAN BERDEPAN TINDAKAN TEGAS JIKA KEMUKA DOKUMEN PALSU

KUALA LUMPUR, 30 April: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) memberi amaran tidak akan teragak-agak untuk membatalkan perakuan mana-mana kontraktor dan personel binaan yang didapati memalsukan dokumen semasa berurusan dengan CIDB.

CIDB juga akan membuat laporan polis dan mengemukakan laporan kepada jawatankuasa tatatertib CIDB sekiranya kontraktor dan personel binaan didapati melakukan kesalahan.

Amaran ini dikeluarkan berikutan, terdapat laporan mendapati beberapa syarikat pembinaan telah mengemukakan dokumen dan maklumat palsu semasa berurusan menggunakan Sistem Pengurusan Maklumat Setempat CIDB (CIMS).

Tindakan sedemikian jelas merupakan tindakan jenayah dan hukuman bagi kesalahan pemalsuan dokumen di bawah Seksyen 465 Kanun Keseksaan ialah penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Dalam hal ini, menurut Ketua Eksekutif CIDB, Dato' Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid, CIDB telah menerima dua kes pemalsuan dokumen yang membabitkan urusan levi dan pendaftaran kontraktor.

Justeru, CIDB mengingatkan agar kontraktor dan personel binaan untuk bertanggungjawab terhadap sebarang maklumat yang dikemukakan kepada CIDB kerana CIDB sentiasa menjalankan audit dari masa ke semasa.

Untuk mengetahui senarai semak dokumen yang diperlukan bagi sebarang urusan dengan CIDB, sila rujuk garis panduan CIMS di <http://cimsapp.cidb.gov.my>.

Sebarang pertanyaan sila hubungi CIDB Careline di 1 300 88 CIDB (2432) atau hubungi CIDB cawangan negeri terdekat untuk membuat pertanyaan juga pengesahan.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
